



PIHAK BERKUASA PERANTI PERUBATAN KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA



KENYATAAN TAWARAN TENDER

1. Tender adalah dipelawa kepada petender-petender yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia dan CIDM dalam kod bidang seperti jadual di bawah bagi tawaran berikut:

NO. TENDER	BUTIR-BUTIR PROJEK	KELAYAKAN KONTRAKTOR	TARIKH & TEMPAT TAKLIMAT / LAWATAN TAPAK
MDA/TB/01/2017	Kerja-Kerja Pengubahsuaian Ruang Pejabat bagi Pihak Berkuasa Peranti Perubatan, Kementerian Kesihatan Malaysia (PBPP) di Aras Bawah, Aras 5 dan Aras 6, Prima 9, Persiaran APEC, Prima Avenue II, 63000 Cyberjaya, Selangor	<ol style="list-style-type: none">1. Berdaftar dengan CIDB (Memiliki Sijil SPP dan SPKK)2. Memiliki Sijil STB dari PKK3. Gred : G54. Kategori : B5. Pengkhususan : B07, B28,6. Kod bidang MOF : 2214017. Wajib berdaftar dalam semua kod bidang di atas untuk menyertai tender	<p style="text-align: center;">DIWAJIBKAN HADIR</p> <p>Tarikh : 5 Oktober 2017 (Khamis)</p> <p>Masa : 10:30 pagi</p> <p>Tempat : Aras Bawah, Bangunan Prima 9, Persiaran APEC, Prima Avenue II, 63000 Cyberjaya</p>

2. Petender-petender yang berminat menyertai tawaran tender ini hendaklah terdiri daripada Syarikat Kontraktor Bumiputera.
3. Dokumen Tender boleh dibeli pada waktu pejabat dari **9.00 pagi hingga 4.00 petang** mulai **9 Oktober 2017 (Isnin)** di Pihak Berkuasa Peranti Perubatan, Aras 5, Menara Prisma, Jalan Persiaran Perdana, Presint 3, 62675 Putrajaya.
4. Dokumen tender **hanya akan dijual** kepada kontraktor yang menghadiri Taklimat.
5. Dokumen Tender boleh dibeli dengan harga **RM 300.00 (RINGGIT MALAYSIA: Tiga Ratus Ringgit Malaysia Sahaja)** senaskah yang tidak akan dikembalikan. Pembayaran hendaklah dibuat dalam bentuk **Bank Draf** atas nama **Kumpulan Wang Pihak Berkuasa Peranti Perubatan**. Wang Tunai/Cek tidak diterima.
6. Petender yang ingin menyertai tender hendaklah menunjukkan **SIJIL ASAL PENDAFTARAN KEMENTERIAN KEWANGAN** dalam kod bidang seperti di atas dan **SIJIL TARAF BUMIPUTERA** (jika bertaraf bumiputera) yang dikeluarkan oleh KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA dan menyerahkan satu Salinan (fotostat) sijil-sijil berkenaan semasa membeli Dokumen Tender.
7. Petender yang ingin menyertai tender ini **WAJIB menghadiri taklimat** pada tarikh, masa dan tempat seperti yang dinyatakan dalam jadual di atas. Petender yang **tidak hadir atau lewat ke sesi taklimat tidak akan dibenarkan menyertai tender ini**.
8. **HANYA PENAMA DI DALAM PERAKUAN PENDAFTARAN KONTRAK (PKK) / SIJIL PEROLEHAN KERJA KERAJAAN (SPKK) / SIJIL AKUAN PENDAFTARAN SYARIKAT SAHAJA** yang boleh menghadiri taklimat / lawatan tapak. Sila bawa bersama **Cop Syarikat beralamat penuh** sewaktu menghadiri taklimat / lawatan tapak.
9. Dokumen Tawaran Tender yang lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri dengan mencatatkan Tajuk dan No. Tender dan dimasukkan ke dalam Peti Tender yang ditetapkan di pejabat Pihak Berkuasa Peranti Perubatan, Aras 5, Menara Prisma, Jalan Persiaran Perdana, Presint 3, 62675 Putrajaya. Petender hendaklah mengemukakan Cadangan Tender **sebelum atau jam 12.00 tengah hari pada tarikh tutup tender** iaitu pada **25 Oktober 2017 (Rabu)**. Tawaran Tender yang lewat diterima tidak akan dipertimbangkan.
10. Pihak Berkuasa Peranti Perubatan tidak terikat menerima Tender yang terdedah atau mana-mana tawaran atau memberi apa-apa sebab di atas penolakan sesuatu tawaran tender. Semua perbelanjaan berkaitan dengan Tender ini adalah tanggungjawab petender sendiri.